



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

Assalamualaikum wbt dan Salam Sejahtera,

YB Menteri/ YB Timbalan Menteri /YBhg. Datuk Dr./ YBhg. Datuk /YBhg. Dato' /YBrs. Dr./Tuan/Puan, pemantauan media KPWKM pada 12 November 2024.

Disediakan oleh,
Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1.	<p>Nearly 15,000 Welfare Recipients Now Self-Reliant, Says Nancy Shukri</p> <p>https://www.thestar.com.my/news/nation/2024/11/11/nearly-15000-welfare-recipients-now-self-reliant-says-nancy-shukri</p> <p>https://www.bernama.com/tv/news.php?id=2362091</p> <p>https://www.utusanborneo.com.my/2024/11/11/hampir-15000-penerima-bantuan-jkm-telah-mampu-berdikari-nancy</p>	<p>The Star</p> <p>Bernama</p> <p>Utusan Borneo</p>	Positif
2.	<p>Hampir 15,000 Penerima Bantuan JKM Telah Mampu Berdikari: Nancy</p> <p>https://www.utusanborneo.com.my/2024/11/11/hampir-15000-penerima-bantuan-jkm-telah-mampu-berdikari-nancy</p> <p>https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2362081</p>	<p>Utusan Borneo</p> <p>Bernama</p>	Positif
	<p>Kehamilan Remaja, Perkahwinan Bawah Umur Membimbangkan: Nancy</p> <p>https://www.utusanborneo.com.my/2024/11/10/kehamilan-remaja-perkahwinan-bawah-umur-membimbangkan-nancy</p> <p>https://www.theborneopost.com/2024/11/10/nancy-shukri-exercise-caution-in-assessing-teenage-pregnancies/</p>	<p>Utusan Borneo</p> <p>The Borneo Post</p>	Neutral

3.	Hari Keluarga Jadi Acara Tetap Tahunan https://www.sinarharian.com.my/article/695858/berita/nasiona/hari-keluarga-jadi-acara-tetap-tahunan#google_vignette	Sinar Harian	Positif
4.	Sekolah Ajar Pendidikan Reproduksi Mulai 2027 Tangani Kehamilan Remaja https://www.malaysiakini.com/news/725520#google_vignette https://www.suarakeadilan.my/post/kehamilan-remaja-sekolah-kpm-laksana-modul-peers-mulai-2027	Malaysia Kini Suara Keadilan	Positif
5.	Wanita Maut Terjatuh Bangunan Di Bukit Bintang https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/11/1322601/wanita-maut-terjatuh-bangunan-di-bukit-bintang https://www.sinarharian.com.my/article/696001/berita/semasa/wanita-maut-jatuh-atas-bumbung-pusat-beli-belah https://www.mstar.com.my/lokal/semasa/2024/11/11/gempar-wanita-maut-jatuh-bangunan-dekat-pusat-beli-belah https://www.kosmo.com.my/2024/11/11/wanita-maut-terjatuh-di-pavillion-suite/	Berita Harian Sinar Harian MStar Kosmo	Neutral
6.	Suami Isteri Didakwa Perdagangan Wanita Malaysia Ke Yaman https://www.buletintv3.my/mahkamah/suami-isteri-didakwa-perdagangan-wanita-malaysia-ke-yaman/ https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/11/1322550/suami-isteri-didakwa-perdagangan-wanita-malaysia-ke-yaman#google_vignette https://www.astroawani.com/berita-malaysia/suami-isteri-didakwa-perdagangan-tiga-wanita-ke-yaman-495823 https://www.kosmo.com.my/2024/11/11/suami-isteri-didakwa-perdagangan-tiga-wanita-ke-yaman/ https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2024/11/11/suami-isteri-didakwa-perdagangan-3-wanita-ke-yaman/	Buletin TV3 Berita Harian Astro Awani Kosmo FMT	Neutral

<p>7.</p>	<p>Budak 4 Tahun Cedera Disyaki Didera Rakan Ibu</p> <p>https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2024/11/11/budak-4-tahun-cedera-disyaki-didera-rakan-ibu/</p> <p>https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kanak-kanak-empat-tahun-disyaki-didera-rakan-ibu-495866</p> <p>https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/11/1322651/kanak-kanak-cedera-disyaki-didera-rakan-ibu-mangsa</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/696035/berita/semasa/budak-empat-tahun-cedera-disyaki-didera-rakan-ibu</p> <p>https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2362136</p> <p>https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/11/1322651/kanak-kanak-cedera-disyaki-didera-rakan-ibu-mangsa</p> <p>https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/11/1153965/kanak-kanak-lelaki-cedera-dipercayai-didera-rakan-ibu</p> <p>https://www.astroawani.com/videos/video-terkini-x7sio1/terkini-kanak-kanak-empat-tahun-disyaki-didera-rakan-ibu-x98z6m4</p> <p>https://www.youtube.com/watch?v=F-3sLvF7xSM – astro awani</p> <p>https://www.hotfm.audio/budak-4-tahun-cedera-disyaki-didera-rakan-ibu/</p>	<p>FMT</p> <p>Astro Awani</p> <p>Berita Harian</p> <p>Sinar Harian</p> <p>Bernamea</p> <p>Berita Harian</p> <p>Harian Metro</p> <p>Astro Awani</p> <p>Youtube – Astro Awani</p> <p>Hot FM</p>	<p>Neutral</p>
<p>8.</p>	<p>Kes Pelajar UPNM Dakwa Dipijak, Suspek Utama Diambil Keterangan</p> <p>https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2024/11/11/kes-pelajar-upnm-dakwa-dipijak-suspek-utama-diambil-keterangan/</p> <p>https://www.hotfm.audio/kes-pelajar-upnm-dakwa-dipijak-suspek-utama-diambil-keterangan/</p> <p>https://www.utusan.com.my/nasional/2024/11/polis-ambil-keterangan-suspek-saksi-kes-buli-terbaharu-upnm/</p> <p>https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2024/11/10/polis-terima-laporan-pelajar-upnm-cedera-dipijak-pelatih/</p>	<p>FMT</p> <p>Hot FM</p> <p>Utusan Malaysia</p> <p>FMT</p>	<p>Neutral</p>

	<p>https://www.buletintv3.my/nasional/kes-buli-upnm-15-individu-termasuk-suspek-dirakam-keterangan/</p> <p>https://www.utusan.com.my/nasional/2024/11/polis-ambil-keterangan-suspek-saksi-kes-buli-terbaharu-upnm/</p> <p>https://www.kosmo.com.my/2024/11/11/pelajar-upnm-dipijak-polis-rakam-kenyataan-suspek-petang-ini/</p> <p>https://www.buletintv3.my/nasional/kes-buli-upnm-keterangan-suspek-akan-diambil-petang-ini/</p> <p>https://majoriti.com.my/berita/2024/11/11/polis-rakam-keterangan-9-individu-terlibat-kes-pelajar-retak-tulang-dipijak-senior-upnm</p>	<p>Buletin TV3</p> <p>Utusan Malaysia</p> <p>Kosmo</p> <p>Buletin TV3</p> <p>Majoriti.Com</p>	
<p>9.</p>	<p>Peniaga Rugi Lebih RM1.6 Juta Tertipu Pelaburan Tak Wujud</p> <p>https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2024/11/11/peniaga-rugi-lebih-rm1-6-juta-tertipu-pelaburan-tak-wujud/</p> <p>https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/11/1153939/rugi-lebih-rm16-juta-terpedaya-pelaburan-dikongsi-menerusi-wechat#google_vignette</p> <p>https://www.astroawani.com/berita-malaysia/individu-rugi-lebih-rm16-juta-terperdaya-pelaburan-tidak-wujud-495847</p> <p>https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/11/1153939/rugi-lebih-rm16-juta-terpedaya-pelaburan-dikongsi-menerusi-wechat</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/696002/berita/semasa/ahli-perniagaan-terperdaya-scammer-pelaburan-di-wechat-rm16-juta-lesap</p>	<p>FMT</p> <p>Harian Metro</p> <p>Astro Awani</p> <p>Harian Metro</p> <p>Sinar Harian</p>	<p>Neutral</p>
<p>10.</p>	<p>Ibu, 2 Rakan Tendang Anak Dipenjara 14 Hari</p> <p>https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2024/11/11/ibu-2-rakan-tendang-anak-dipenjara-14-hari/</p> <p>https://malaysiagazette.com/2024/11/11/mgnews-dera-anak-ibu-muda-dan-dua-rakan-dipenjara-14-hari-dan-denda-rm10000/#google_vignette</p>	<p>FMT</p> <p>Malaysia Gazette</p> <p>Astro Awani</p>	<p>Neutral</p>

	<p>https://www.astroawani.com/berita-malaysia/tendang-kanak-kanak-ibu-dan-dua-rakan-dipenjara-14-hari-denda-rm10000-495808</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/695968/berita/semasa/tendang-budak-lelaki-ibu-dua-rakan-dipenjara-14-hari-denda-rm10000</p> <p>https://www.utusan.com.my/berita/2024/11/ibu-biar-anak-ditendang-rakan-dipenjara-14-hari-denda-rm10000/</p> <p>https://gigitankerengga.blogspot.com/2024/11/ibu-2-rakan-tendang-anak-dipenjara-14.html</p> <p>https://babab.net/artikel/ibu-2-rakan-tendang-anak-dipenjara-14-hari.html</p> <p>https://www.buletintv3.my/mahkamah/ibu-sahabat-mengakusalah-dera-kanak-kanak/</p>	<p>Sinar Harian</p> <p>Utusan Malaysia</p> <p>Gigitan.Kerengga (Blog)</p> <p>Babab.Net</p> <p>Buletin TV3</p>	
11.	<p>Tumbuk Ibu Saudara Hingga Mati Kerana Tak Tahan Dikongkong</p> <p>https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2024/11/11/tumbuk-ibu-saudara-hingga-mati-kerana-tak-tahan-dikongkong/</p> <p>https://www.hmetro.com.my/utama/2024/11/1153716/tumbuk-ibu-saudara-hingga-mati-kerana-tak-tahan-dikongkong</p> <p>https://www.bernama.com/bm//news.php?id=2361892</p> <p>https://www.kosmo.com.my/2024/11/11/tumbuk-kurung-ibu-saudara-sampai-hampir-reput-berang-kena-kongkong/#google_vignette</p> <p>https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/11/1322339/lelaki-disyaki-belasah-kurung-ibu-saudara-4-hari-sebelum-mangsa-ditemui</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/695908/berita/semasa/marah-dikongkong-punca-bunuh-ibu-saudara</p> <p>https://www.astroawani.com/berita-malaysia/marah-dikongkong-punca-bunuh-ibu-saudara-495767</p>	<p>FMT</p> <p>Harian Metro</p> <p>Bernamea</p> <p>Kosmo</p> <p>Berita Harian</p> <p>Sinar Harian</p> <p>Astro Awani</p>	Neutral

<p>12.</p>	<p>Hospital Papar, Sabah terbakar</p> <p>https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/11/1322657/hospital-papar-sabah-terbakar</p> <p>https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/11/1153947/panik-stor-farmasi-hospital-papar-terbakar</p> <p>https://www.astroawani.com/berita-malaysia/stor-farmasi-hospital-papar-terbakar-495871</p> <p>https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/kebakaran-musnahkan-stor-perubatan-farmasi-hospital-papar</p>	<p>Berita Harian</p> <p>Harian Metro</p> <p>Astro Awani</p> <p>Berita RTM</p>	<p>Neutral</p>
<p>13.</p>	<p>Penyelia Syarikat Ditahan Kes Gangguan Seksual Pelajar Praktikal</p> <p>https://www.utusanborneo.com.my/2024/11/11/penyelia-syarikat-ditahan-kes-gangguan-seksual-pelajar-praktikal</p>	<p>Utusan Borneo</p>	<p>Neutral</p>
<p>14.</p>	<p>Jadikan Pulau Pinang Mesra Warga Emas</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/695845/berita/wawancara/jadikan-pulau-pinang-mesra-warga-emas</p> <p>https://www.utusan.com.my/nasional/2024/09/pulau-pinang-negeri-mesra-warga-emas-menjelang-2028/</p> <p>https://www.buletinmutiara.com/pulau-pinang-lancar-pelan-hala-tuju-penuaan-aktif-ke-arab-bandar-mesra-warga-tua/</p> <p>https://www.bernama.com/misc/rss/news.php?id=2337884</p>	<p>Sinar Harian</p> <p>Utusan Malaysia</p> <p>Buletin Mutiara</p> <p>Bernamea</p>	<p>Positif</p>
<p>15.</p>	<p>Warga emas 92 tahun maut dilanggar kereta ketika lintas jalan</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/696063/berita/semasa/warga-emas-92-tahun-maut-dilanggar-kereta-ketika-lintas-jalan</p>	<p>Sinar Harian</p>	<p>Neutral</p>

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

NEARLY 15,000 WELFARE RECIPIENTS NOW SELF-RELIANT, SAYS NANCY SHUKRI



KUALA LUMPUR: A total of 14,937 welfare recipients nationwide have become self-reliant and no longer require assistance from the Department of Social Welfare (JKM). Women, Family, and Community Development Minister (KPWK), Datuk Seri Nancy Shukri, highlighted that the recipients were supported by a range of programmes such as empowerment and transformation initiatives, as well as personal financial management training, to help them break free from poverty.

"As of August 2024, JKM statistics show there are 543,086 welfare recipients across Malaysia, with a total allocation of RM1.73bil," she said while winding up the Supply Bill 2025 debate for the ministry in the Dewan Rakyat on Monday (Nov 11).

Nancy noted that this year JKM also provided RM18.3mil in financial aid to 212 voluntary welfare associations nationwide, which provide care, protection, and rehabilitation services to people with disabilities, benefitting 6,900 individuals.

"This support is temporary. It is an incentive to assist those providing these essential services," she added.

Meanwhile, National Unity Minister, Datuk Aaron Ago Dagang, outlined that the ministry's focus for the coming year will centre on four key strategies: promoting a unity ecosystem, exploring the Rukun Negara, promoting Madani harmony initiatives, and enhancing socio-cultural communities to strengthen national unity.

"We are embracing the theme 'Harmony in Diversity,' reflecting our commitment to building a united nation that values our cultural, religious, and ethnic diversity," he said during the ministry's winding-up.

He also noted that the ministry has developed the National Unity Action Plan 2021-2030, a comprehensive roadmap to create a more inclusive and cohesive society.

"This plan reflects the government's dedication to strengthening inter-ethnic relations, promoting national integration, and addressing racial issues through collaborative programmes and initiatives across ministries and agencies," he said.

The Dewan Rakyat session will resume tomorrow. – Bernama

HAMPIR 15,000 PENERIMA BANTUAN JKM TELAH MAMPU BERDIKARI: NANCY

KUALA LUMPUR: Seramai 14,937 penerima bantuan kebajikan di seluruh negara telah mampu berdikari dan tidak lagi memerlukan bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) bagi meneruskan kelangsungan hidup mereka.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Seri Nancy Shukri berkata pelbagai program dilaksanakan untuk membantu penerima bantuan termasuk program pemerkasaan dan transformasi serta pengurusan kewangan peribadi supaya mereka berusaha keluar daripada kepompong kemiskinan.

"Berdasarkan statistik JKM, sehingga Ogos 2024 terdapat 543,086 penerima bantuan kebajikan di seluruh Malaysia dengan peruntukan yang dibelanjakan adalah RM1.73 bilion," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menggulung perbahasan Rang Undang-Undang Perbekalan 2025 peringkat dasar bagi Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) di Dewan Rakyat hari ini.

Dalam pada itu, Nancy berkata 212 persatuan sukarela kebajikan (PSK) di seluruh negara yang memberikan perkhidmatan penjagaan, perlindungan dan pemulihan kepada orang kurang upaya (OKU) telah menerima bantuan kewangan melalui JKM pada tahun ini.

Beliau berkata bantuan kewangan berjumlah RM18.3 juta itu memberikan manfaat kepada lebih 6,900 klien PSK.

"Bantuan ini bersifat sementara dan sebagai insentif bagi menyokong pihak yang menyediakan perkhidmatan berkenaan," katanya.

Sementara itu, Menteri Perpaduan Negara Datuk Aaron Ago Dagang berkata pihaknya memberikan tumpuan kepada empat strategi meliputi ekosistem perpaduan, eksplorasi rukun negara, inisiatif harmoni MADANI dan komuniti sosio budaya dalam memperkukuhkan keharmonian nasional pada tahun depan.

"Kementerian Perpaduan Negara (KPN) mengangkat tema 'Harmoni Dalam Kepelbagaian' yang mencerminkan komitmen kita untuk memperkukuhkan keharmonian nasional dengan menghargai kepelbagaian budaya, agama dan etnik yang wujud dalam negara kita," katanya pada sesi penggulungan kementerian itu.

Selain itu, beliau berkata KPN juga telah menghasilkan Pelan Tindakan Perpaduan Negara 2021-2030 yang memberi panduan menyeluruh bagi membangunkan masyarakat lebih inklusif dan bersatu padu.

"Ia juga memberi fokus kepada usaha kerajaan dalam memperbaiki hubungan antara kaum, mempromosikan integrasi nasional dan menangani isu-isu perkauman

melibatkan pelaksanaan program dan aktiviti rentas kementerian dan agensi,” katanya.

KEHAMILAN REMAJA, PERKAHWINAN BAWAH UMUR MEMBIMBANGKAN: NANCY

KUCHING: Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Seri Nancy Shukri (*gambar*) menyuarakan kebimbangan mengenai isu kehamilan remaja, perkahwinan bawah umur, pembuangan bayi dan pengguguran tidak selamat di negara ini.

Beliau berkata berdasarkan data Kementerian Kesihatan 44,263 kes kehamilan remaja telah direkodkan sejak lima tahun lepas, dan daripada jumlah itu 17,646 melibatkan remaja yang belum berkahwin.

“Sepanjang tempoh 2019 hingga 2023, Sarawak merekodkan 9,258 kes kehamilan remaja dan daripada jumlah ini, 5,627 kes adalah tidak berkahwin semasa hamil.

“Di Sarawak kes kehamilan remaja merekodkan angka yang tinggi disebabkan adanya perkahwinan adat yang membenarkan perkahwinan di bawah umur, selain belum ada pindaan dibuat untuk menetapkan had umur perkahwinan bagi perempuan dinaikkan kepada 18 tahun,” katanya.

Nancy yang juga Ahli Parlimen Santubong berkata demikian ketika berucap pada majlis Forum Advokasi Pendidikan Reproduksi dan Sosial (PEKERTI) Edisi Ibu Bapa Peringkat Negeri Sarawak, di sini hari ini.

Nancy berkata perbincangan mengenai topik seks seharusnya tidak lagi dianggap sebagai isu yang dilarang atau sensitif, kerana kebimbangan ibu bapa atau masyarakat tentang maklumat kesihatan reproduktif hanya akan menimbulkan rasa ingin tahu dalam kalangan remaja.

“Dalam era globalisasi ini, remaja menghadapi pelbagai cabaran seperti pengaruh budaya luar, akses maklumat tanpa had dan tekanan untuk menyesuaikan diri dengan norma sosial yang berubah,” katanya.

Kira-kira 200 peserta yang menghadiri forum yang memberi pendedahan dan pengetahuan mengenai kepentingan Pendidikan Kesihatan Reproduksi dan Sosial kepada ibu bapa berkenaan diharap dapat membantu dalam proses kemandirian dan sosialisasi remaja.

HARI KELUARGA JADI ACARA TETAP TAHUNAN



Isteri Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail (tengah) bersama Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri (dua dari kiri) bergambar bersama tetamu. Turut hadir, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Noraini Ahmad (dua dari kanan).

KUALA LUMPUR - Hari Keluarga akan dijadikan sebagai acara tetap tahunan di semua kementerian dan agensi peringkat persekutuan dan negeri bermula tahun ini bagi memperluaskan sambutan November sebagai Bulan Keluarga Kebangsaan (NBKK) di samping menggalakkan pelaksanaan program kesejahteraan keluarga mengikut kapasiti agensi berkenaan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, pelaksanaan tersebut perlu dijadikan acara tahunan wajib pada setiap November, manakala bagi sektor swasta, badan bukan kerajaan (NGO) dan komuniti digalakkan supaya melaksanakan program kesejahteraan keluarga mengikut kapasiti masing-masing.

Tegas beliau, setiap majikan disaran merancang aktiviti berbentuk kekeluargaan dengan cara masing-masing berpandukan nilai-nilai positif dan etika yang baik untuk memelihara dan memperkukuhkan kesejahteraan keluarga, bukan hanya sambutan semata-mata.

"Suka diingatkan bahawa majikan yang melaksanakan hari keluarga dan aktiviti kekeluargaan di tempat kerja layak mendapatkan pelepasan cukai.

"Ambillah peluang, kerana usaha ini secara tidak langsung dapat meningkatkan produktiviti pekerja selain membantu dalam mengimbangi kehidupan bekerja dan berkeluarga seterusnya memperkukuhkan institusi keluarga para pekerja. Pada masa sama, perkara ini sedikit sebanyak dapat menyumbang kepada kesihatan mental yang baik,"katanya dalam ucapan perasmian Sambutan November Bulan Keluarga Kebangsaan (NBKK) 2024, di Taman Botani Perdana, di sini pada Sabtu.

SEKOLAH AJAR PENDIDIKAN REPRODUKTIF MULAI 2027 TANGANI KEHAMILAN REMAJA



Kementerian Pendidikan (KPM) akan menggunakan modul Pendidikan Kesihatan Reproduksi dan Sosial (Peers) dalam Kurikulum Persekolahan 2027 bagi menangani isu kehamilan melibatkan remaja yang semakin meningkat di negara ini.

Menteri Pendidikan Fadhlina Sidek berkata perkara itu telah mendapat persetujuan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) dan pihaknya sentiasa mengalu-alukan kerjasama rentas kementerian bagi menangani isu berkenaan.

“Keprihatinan kita (KPM) sama dengan KPWKM apabila kita bercakap tentang soal kehamilan di luar nikah, kita memberikan tumpuan penuh kepada agenda-agenda pendidikan khususnya yang terkait rapat dengan kesihatan reproduktif.

“Begitu juga dari semasa ke semasa, kita jalankan program berkaitan advokasi yang terkait rapat dengan isu-isu kesihatan reproduktif termasuk program bersama-sama KPWKM bagi menangani isu gangguan seksual, isu kesihatan gadis, sentuhan selamat dan tidak selamat yang masih lagi kita laksanakan di peringkat KPM,” katanya kepada pemberita selepas merasmikan Majlis Penutupan Program Universiti Sains Malaysia (USM) Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (Stem) Week 2024 di USM di George Town, semalam.

Fadhina berkata KPM akan memberikan tumpuan khususnya berkaitan dengan modul Peers supaya guru dan murid diperkasakan dari segi maklumat serta advokasi berkaitan isu berkenaan.

WANITA MAUT TERJATUH BANGUNAN DI BUKIT BINTANG



Anggota bomba menurunkan wanita yang maut selepas terjatuh dari bangunan Pavilion Suite bersebelahan pusat beli-belah terkenal di Jalan Bukit Bintang, di sini, hari ini. Ihsan bomba

KUALA LUMPUR: Wanita maut selepas terjatuh dari bangunan bersebelahan pusat beli-belah terkenal di Jalan Bukit Bintang, di sini, hari ini.

Pusat Gerakan Operasi Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) menerima panggilan kecemasan pada jam 3.57 pagi dan menghantar sepasukan anggota ke tempat kejadian.

Komander Operasi JPBM, Md Fuad Selamat berkata, seramai 16 anggota dari Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Pudu dibantu BBP Jalan Hang Tuah ke lokasi.

Beliau berkata, setibanya di lokasi kejadian, seorang wanita terjatuh di atas bumbung bangunan dari tingkat yang tidak dikenal pasti.

"Mangsa dikeluarkan pada jam 7.48 pagi dengan bantuan skylift pihak bangunan sebelum anggota bomba menurunkan mangsa ke bawah dengan selamat," katanya dalam kenyataan hari ini.

Katanya, mangsa disahkan meninggal dunia oleh pihak Kementerian Kesihatan dan seterusnya diserahkan kepada polis untuk tindakan selanjutnya.

SUAMI ISTERI DIDAKWA PERDAGANG WANITA MALAYSIA KE YAMAN

KUALA LUMPUR: Sepasang suami isteri didakwa di Mahkamah Sesyen di sini hari ini atas tiga pertuduhan memperdagangkan tiga wanita tempatan ke Yaman, tahun lalu.

Mohd Azfar Abd Ghafar, 37, dan Khadijah Yusoff, 31, didakwa bersama-sama memperdagangkan tiga wanita berusia 19, 27 dan 38 tahun bagi maksud eksploitasi di sebuah rumah tidak bernombor di Tarim, Yaman, antara 25 Mei 2023 hingga 4 Julai lalu.

Mereka dituduh mengikut Seksyen 12 Akta Antiperdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007 dibaca bersama Seksyen 34 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum 20 tahun dan denda jika sabit kesalahan.

Pasangan berkenaan mengaku tidak bersalah sebelum Timbalan Pendakwa Raya Amir Haniff Ahijman tidak menawarkan jaminan atas alasan kes berkenaan melibatkan tiga mangsa warga tempatan yang dieksploitasi ke luar negara.

“Sekiranya mahkamah mahu mengguna pakai budi bicara untuk menawarkan jaminan, pendakwaan mencadangkan RM50,000 bagi setiap tertuduh berserta syarat tambahan pasport diserahkan kepada mahkamah sehingga kes selesai dan melaporkan diri sebulan sekali di balai polis berdekatan,” katanya.

Peguam, Datuk Adnan Seman yang mewakili kedua-dua tertuduh merayu jaminan dikurangkan atas alasan keluarga mereka tidak berkemampuan dan hanya mengharapkan hasil sewaan rumah.

BUDAK 4 TAHUN CEDERA DISYAKI DIDERA RAKAN IBU

KUALA LUMPUR:

Seorang kanak-kanak lelaki berusia empat tahun cedera selepas disyaki didera penjaga sementara yang merupakan rakan wanita kepada ibu mangsa di Taman Desaria, Petaling Jaya.

Ketua Polis Petaling Jaya, Shahrulnizam Jaafar, berkata dalam kejadian itu, mangsa didapati cedera di bahagian mata, tangan dan luka di punggung.

Beliau berkata siasatan awal mendapati kanak-kanak itu dijaga oleh wanita terbabit, selepas ibu mangsa ditahan atas kesalahan dadah pada 18 Sept dan dijamin suaminya pada 6 Nov.

“Apabila mengambil anak, mereka mendapati terdapat kecederaan pada kanak-kanak itu. Penjaga sementara tersebut memberi alasan mangsa cedera akibat terkena mercun.

KES PELAJAR UPNM DAKWA DIPIJAK, SUSPEK UTAMA DIAMBIL KETERANGAN

PETALING JAYA:

Polis sudah merakam percakapan seorang pelajar Universiti Pertahanan Nasional (UPNM) yang didakwa memijak juniornya hingga mengalami retak tulang.

Suspek utama kes terbabit hadir ke IPD Cheras petang tadi susulan laporan dibuat bapa mangsa yang juga pelatih tahun 1, Jumaat lalu.

Ketua Polis Kuala Lumpur, Rusdi Mohd Isa, berkata pelajar terbabit dipanggil bagi melengkapkan melengkapkan siasatan mengikut Seksyen 325 Kanun Keseksaan.

“Polis sudah merekodkan keterangannya, namun tiada tangkapan dijalankan.

“Pada masa ini tumpuan polis adalah menyiasat kes ini secara lebih terperinci selepas laporan dibuat pada Jumaat lalu,” katanya dalam kenyataan hari ini, menurut Harian Metro.

Beliau berkata, polis turut merakam keterangan lima lagi saksi, menjadikan setakat ini seramai 15 orang sudah dirakam percakapan.

Terdahulu, mangsa berusia 19 tahun itu dilaporkan retak tulang rusuk dan belakang akibat dipijak seorang pelatih tahun tiga UPNM. Mangsa sedang dirawat di hospital.